

Mahiza, Laili 'bintang' baru

KEGAGALAN memenangi pingat emas di Kejuaraan Silat Kebangsaan di Port Dickson, 2 Ogos lalu, tidak mematahkan semangat dua puteri Pontian bagi menempatkan diri dalam skuad Sukan SEA 89 di Kuala Lumpur tahun depan.

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang ingin membentuk pasukan unggul itu, memutuskan mereka dan ramai lagi pesilat yang kurang berjaya tetapi berwibawa, berpeluang dipilih jika mempamer kecemerlangan di Sukan Malaysia bulan depan. **21 OCT 1988**

Kedua-dua pesilat Johor itu, Mahiza Bakri dan Laili Abdul Majid sudah mengukir nama sebagai bintang baru yang berpotensi untuk berada dalam skuad negara.

Laili, 23, yang dianggap permata belum digilap itu mula menyinar apabila menewaskan pesilat kebangsaan, Salbiah Salleh di Kejuaraan Tertutup Johor.

Sekadar berbekalkan semangat dan cekakan tanpa setitis pengalaman, Laili sekali lagi menang bergaya dengan mengepikan seorang lagi pesilat kebangsaan, Siti Azahariah Hussin di pusingan awal di Port Dickson. **B. Harian (M)**

Walaupun cuma empat bulan mengenali silat, keupayaan dan ketangkasnya sukar ditandingi oleh dua pesilat negara yang menjadi mangsanya. Bagaimanapun, dia akhirnya dikecundangkan oleh pesilat skuad Sukan SEA 89, Wan Amizah Wan Ahmad di separuh akhir.

"Saya tidak kecewa tumpas kepada pesilat terbaik, Wan Amizah, tetapi gembira selepas menumpaskan dua pesilat skuad Sukan SEA," kata Laili.

"Kedudukan saya mengikuti latihan pusat kebangsaan bergantung kepada keputusan Pesaka. Jika ada tuah, saya akan buktikan dalam latihan nanti," kata gadis Kampung Rambah, Pontian itu.

Cabaran

Bagaimanapun, kejayaan Laili menerima nama banyak bergantung kepada dorongan kuat rakan sepelatihnya Mahiza Bakri yang turut menonjol di kejuaraan kebangsaan lalu.

Tetapi, kepekaan guru Pertubuhan Silat Kuntau Sending, Zakaria Kassim, menggilap permata dari lubuk berlumpur harus diberi pujian dan perlu dicontohi setelah anak buahnya mempamerkan cabaran cemerlang setanding pesilat kebangsaan lain.

Bagi Mahiza, 19, kegagalannya mengutip pingat emas tidak lagi menutup keinginan berada dalam skuad Sukan SEA 89 kerana Pesaka turut menyenaraikan juara Sukma nanti sebagai pilihan akhir.

Katanya: "Saya akan berusaha memenangi pingat emas di Sukma, November ini bagi memenuhi impian mewakili ne-

gara. Kegagalan di Port Dickson satu pengalaman untuk memperbaiki lagi kelemahan."

Gadis manis digelar sebagai Ratu Silat Johor di kalangan kontinjen negeri itu kecundang di perlawanan akhir kepada pemenang pingat perak silat sedunia, Normala Yaacob.


Walaupun anak sulung enam adik beradik keluarga ahli perniagaan itu tidak mendapat galakan kedua ibu bapanya, minat terhadap sukan mencabar mendorong Mahiza menyertai silat.

"Saya dan Laili dilatih semata-mata untuk menyertai silat olahraga selain mempertahankan diri. Sekalipun silat olahraga mendatangkan kesakitan kepada badan, ia memberi kepuasan," katanya.

Mahiza sudah memulakan latihan bersama Laili selepas kejohanan di Port Dickson lalu bgi memperbaiki kelemahan yang masih ketara.



■ CUMA LATIHAN... Mahiza (kanan) dan Laili berlatih bersama untuk persiapan Sukan Malaysia bulan depan.

A woman in a black martial arts uniform is captured in a dynamic pose, performing a high kick. She is smiling and looking towards the camera. Her right leg is raised high, with her foot pointing towards the top left. Her left hand is near her face, and her right hand is near her waist. She is wearing a black gi with a gold-colored sash. The background is a light yellowish-green. The text is overlaid on the right side of the image.

■ MAHIZA
BAKRI...
sepakan
sipi yang
membahayakan

Kedua-dua
pesilat Johor itu
sudah 21 OCT 1988
mengukir nama
sebagai B. Hartan (M)
bintang baru
yang
berpotensi
untuk berada
dalam skuad
negara



■ LAILI ABDUL
MAJID... bersedia
untuk bertindak.

B. Harlan (M)
21 OCT 1988

Oleh
MOHD RAHIME YUSOF
Gambar
SHIRAZ YASMIN ALI